Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SPAN/BT/SSTP/700-AKTA-1 KLT. 2 (33)
Tarikh : 4 September 2025
(Sila nyatakan rujukan apabila menjawab surat ini)

SEPERTI SENARAI EDARAN

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
15 OCT 2025
TERIMA

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (DEPOSIT, FI DAN CAJ PERKHIDMATAN AIR) (PINDAAN) 2025 DAN KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2025
- Makluman Penguatkuasaan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan, SPAN telah melakukan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 dan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) (Pindaan) 2025 dan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2025 mula berkuatkuasa pada **1 September 2025**.

3. Di antara kandungan utama pindaan adalah seperti berikut:

a) Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) (Pindaan) 2025

Pindaan peraturan 2

i. Memasukkan tafsiran 'pusat data'.

Peraturan baharu 13A

i. Tambahan subperaturan baharu 13A (1), 13A (2) dan 13A (3) untuk ketetapan berkenaan caj jaminan penggunaan ke atas pusat data.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
(National Water Services Commision)
Aras Bawah & Aras 1, Prima Avenue7,
Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
T 603-8317 9333/334/335
F 603-8317 9336
W www.span.gov.my

Pindaan peraturan 14

i. Menggantikan perkataan "Bahagian I, II dan III" dengan perkataan "Bahagian I, II, III dan IV" pada subperaturan (1).

Pindaan peraturan 15

i. Menggantikan perkataan "Bahagian I dan II" dengan perkataan "Bahagian I, II dan IV" pada nota bahu.

ii. Menggantikan perkataan "Bahagian I" dengan perkataan "Bahagian I dan IV" pada subperaturan (1).

iii. Menggantikan perkataan "Bahagian I atau II" dengan perkataan "Bahagian I, II atau IV" pada mana-mana jua terdapat dalam subperaturan (2) dan (3).

iv. Tambahan subperaturan (4) dan (5) untuk ketetapan berkenaan kadar sumbangan modal yang kena dibayar oleh pemaju pusat data.

Pindaan peraturan 16

i. Menggantikan perkataan "Bahagian I dan II" dengan perkataan "Bahagian I, II dan IV" pada nota bahu.

ii. Menggantikan perkataan "subperaturan 17(3)" dengan perkataan "subperaturan 15(3)" pada subperaturan (1).

iii. Menggantikan perkataan "Bahagian I dan II" dengan perkataan "Bahagian I, II dan IV" pada subperaturan (1).

iv. Memotong perkataan "dan" di hujung perenggan subperaturan (1).

v. Menggantikan perkataan "sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan" dengan perkataan "sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan" dan menggantikan noktah dengan koma bernoktah di hujung perenggan subperaturan (1)(b).

vi. Tambahan subperaturan (1)(c) dan (1)(d) berkenaan ketetapan kadar sumbangan modal yang perlu dibayar bergantung kepada pihak yang membina sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan.

Pindaan Jadual Ketiga

i. Menggantikan perkataan "Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan" dengan perkataan "Jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan" pada ruang (3), Bahagian I.

ii. Menggantikan perkataan "Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan" dengan perkataan "Jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan" pada ruang (3), Bahagian II.

iii. Menggantikan perkataan "or" dengan perkataan "atau" dalam teks bahasa kebangsaan bagi subbutiran 1*(d)* hingga *(h)* dalam ruang (3), Bahagian II.

iv. Tambahan Bahagian IV selepas Bahagian III untuk ketetapan berkenaan kadar sumbangan modal yang boleh dikenakan ke atas pemaju yang membangunkan pusat data.

b) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan pemasangan Paip) (Pindaan) 2025

Pindaan kaedah 2

i. Memasukkan tafsiran 'pusat data'.

Pindaan kaedah 6

i. Tambahan subkaedah baharu 6(3A) untuk ketetapan pengenaan caj sumbangan modal jika pemaju pusat data yang merancang, mereka bentuk, membina dan memasang sistem retikulasi air luaran.

Pindaan kaedah 7

i. Tambahan subkaedah baharu 7(4A) untuk ketetapan pengenaan caj sumbangan modal jika pemegang lesen pengagihan air merancang, mereka bentuk, membina dan memasang sesalur utama awam, sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan.

Pindaan kaedah 50

i. Memasukkan perkataan ", pusat data" selepas perkataan "lapangan terbang".

Pindaan kepala Bab 4 Bahagian IV

i. Memasukkan perkataan "*atau pusat data*" selepas perkataan "*kilang*".

Pindaan kaedah 95

i. Memasukkan perkataan "atau pusat data" selepas perkataan "kilang" pada mana-mana jua terdapat dalam subkaedah (1).

ii. Memasukkan perkataan "atau pemilik pusat data" selepas perkataan "pemilik kilang" pada subkaedah (2).

iii. Memasukkan perkataan "atau pemilik pusat data" selepas perkataan "pemilik kilang" pada subkaedah (3).

Pindaan Jadual Ketiga Belas

i. Memasukkan butiran muatan simpanan minimum satu hari bagi premis pusat data selepas butiran Bengkel tungal/berkembar.

4. Justeru, mana-mana **permohonan untuk kelulusan pelan dan spesifikasi** bagi sistem bekalan air kepada pusat data yang dikemukakan **selepas daripada tarikh 1 September 2025** adalah tertakluk kepada pindaan perundangan subsidiari di atas. Selain itu, SPAN juga telah menyediakan satu garis panduan baharu yang perlu dibaca bersekali dengan kedua-dua pindaan perundangan subsidiari tersebut iaitu 'Garis Panduan Bekalan Air Bagi Pembangunan Pusat Data'.

5. Bersama-sama ini dilampirkan salinan pindaan kedua-dua perundangan subsidiari dan garis panduan di atas untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan juga, Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 dan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 serta pindaan-pindaan yang telah dikuatkuasakan sebelum ini termasuk pindaan yang baharu dikuatkuasakan seperti di atas dan Garis Panduan Bekalan Air Bagi Pembangunan Pusat Data boleh dimuat turun dari laman sesawang SPAN di www.span.gov.my.

6. Segala perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MELESTARIKAN PERKHIDMATAN AIR"

Yang benar,

(DATO' AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

MSZ / NB / SAML / nmy

27 Ogos 2025
27 August 2025
P.U. (A) 274

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (DEPOSIT, FI DAN CAJ PERKHIDMATAN AIR) (PINDAAN) 2025

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER SERVICES DEPOSITS, FEES AND CHARGES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (DEPOSIT, FI DAN CAJ PERKHIDMATAN AIR) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 84, 85 dan 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) (Pindaan) 2025.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2025.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 [*P.U. (A) 37/2014*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan selepas takrif "kos sebenar pemotongan atau penyambungan semula" takrif yang berikut:

' "pusat data" ertinya mana-mana premis yang digunakan secara khusus untuk menempatkan kelengkapan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi secara berpusat bagi maksud mengurus data termasuk menyimpan, mengumpul, memproses atau mengagih data;'.

Peraturan baharu 13A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 13 peraturan yang berikut:

"Caj jaminan penggunaan

13A. (1) Mana-mana pengguna bagi suatu pusat data yang memohon suatu akaun bekalan air kepada pemegang lesen hendaklah

mengemukakan bersama permohonan itu, suatu anggaran permintaan air bulanan untuk tempoh enam tahun pertama pengoperasian pusat data itu.

(2) Jika selepas tiga tahun pertama pengoperasian pusat data itu, terdapat perubahan dalam anggaran permintaan air bulanan yang dikemukakan di bawah subperaturan (1), pengguna boleh mengemukakan suatu anggaran permintaan air bulanan baharu kepada pemegang lesen bagi baki tiga tahun pengoperasian pusat data itu.

(3) Jika penggunaan air bulanan sebenar kurang daripada anggaran permintaan air bulanan yang dikemukakan di bawah subperaturan (1) atau anggaran permintaan air bulanan baharu yang dikemukakan di bawah subperaturan (2), pemegang lesen boleh mengenakan ke atas pengguna suatu caj jaminan penggunaan secara bulanan berdasarkan formula yang berikut:

Anggaran permintaan air bulanan - penggunaan air bulanan sebenar x kadar perkhidmatan bekalan air".

Pindaan peraturan 14

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan 14(1) dengan menggantikan perkataan "Bahagian I, II dan III" dengan perkataan "Bahagian I, II, III dan IV".

Pindaan peraturan 15

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 15—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "Bahagian I dan II" dengan perkataan "Bahagian I, II dan IV";

(b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "Bahagian I" dengan perkataan "Bahagian I dan IV";

(c) dalam subperaturan (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan "Bahagian I atau II" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Bahagian I, II atau IV"; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

"(4) Jika sesalur utama awam bagi sesuatu premis yang dinyatakan dalam Bahagian IV Jadual Ketiga dibina oleh pemegang lesen, kadar sumbangan modal yang kena dibayar oleh pemaju hendaklah termasuk kos modal pembinaan sesalur utama awam sehingga ke tempat tebukan yang diluluskan.

(5) Kos modal pembinaan sesalur utama awam yang disebut dalam subperaturan (4) hendaklah termasuk perbelanjaan modal yang ditanggung atau anggaran perbelanjaan modal yang akan ditanggung oleh pemegang lesen berhubung dengan penyediaan sesalur utama awam itu termasuk apa-apa stesen pengepam, takungan perkhidmatan, takungan imbangan, struktur, pemasangan, bangunan, kelengkapan dan perlengkapan yang digunakan dan tanah yang stesen pengepam, takungan perkhidmatan, takungan imbangan, struktur, pemasangan, bangunan, kelengkapan dan perlengkapan itu ditempatkan.".

Pindaan peraturan 16

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 16—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "Bahagian I dan II" dengan perkataan "Bahagian I, II dan IV"; dan

(b) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "subperaturan 17(3)" dengan perkataan "subperaturan 15(3)";

(ii) dengan menggantikan perkataan "Bahagian I dan II" dengan perkataan "Bahagian I, II dan IV";

(iii) dalam perenggan *(a)*, dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;

(iv) dalam perenggan *(b)*—

(A) dengan menggantikan perkataan "sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan" dengan perkataan "sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan"; dan

(B) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(v) dengan memasukkan selepas perenggan *(b)* perenggan yang berikut:

"*(c)* dalam hal jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju di bawah subkaedah 6(3A) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, pada kadar yang dinyatakan dalam perenggan 1 Bahagian IV Jadual Ketiga; dan

(d) dalam hal jika sesalur utama awam, sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen di bawah subkaedah 7(4A)

Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, pada kadar yang dinyatakan dalam perenggan 2 Bahagian IV Jadual Ketiga.".

Pindaan Jadual Ketiga

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Ketiga—

(a) dalam Bahagian I, dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan "Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan" dengan perkataan "Jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan";

(b) dalam Bahagian II—

(i) dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan "Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan" dengan perkataan "Jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan";

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, berhubung dengan subbutiran 1*(d)* hingga *(h)*, dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan "or" dengan perkataan "atau"; dan

(c) dengan memasukkan selepas Bahagian III bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IV

[peraturan 14, 15 dan 16]

KADAR SUMBANGAN MODAL BAGI PUSAT DATA YANG DIBANGUNKAN OLEH PEMAJU

1. Kadar sumbangan modal jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju:

Kos modal pembinaan sesalur utama awam x (anggaran permintaan air ÷ kapasiti agihan air sesalur utama awam yang dibina)

2. Kadar sumbangan modal jika sesalur utama awam, sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen:

(1) Caj bagi penyediaan sesalur utama awam Kadar bagi setiap premis (RM)	(2) Caj bagi penyediaan sesalur utama bekalan Kadar bagi setiap premis (RM)	(3) Caj bagi penyediaan takungan perkhidmatan Kadar bagi setiap premis (RM)
Kos modal pembinaan sesalur utama awam x (anggaran permintaan air ÷ kapasiti agihan air sesalur utama awam yang dibina)	(0.40 x anggaran permintaan air)	(0.80 x anggaran permintaan air)

".

Dibuat 26 Ogos 2025
[PETRA.BAP.100-1/1/3 KLT.5 (19); PN(PU2)660/JLD.20]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER SERVICES DEPOSITS, FEES AND CHARGES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by sections 84, 85 and 179 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Water Services Industry (Water Services Deposits, Fees and Charges) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2025.

Amendment of regulation 2

2. The Water Services Industry (Water Services Deposits, Fees and Charges) Regulations 2014 [*P.U. (A) 37/2014*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting after the definition of "actual disconnection or reconnection cost" the following definition:

' "data centre" means any premises specifically used to centrally house equipment and infrastructure of information technology and communication for the purpose of managing data including storing, collecting, processing or distributing data;'.

New regulation 13A

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 13 the following regulation:

"**Usage guarantee charge**

13A. (1) Any consumer for a data centre who applies for a water supply account to the licensee shall submit together with the application, an estimated monthly water demand for the first six years of operation of the data centre.

(2) If after the first three years of operation of the data centre, there is a change in the estimated monthly water demand submitted under subregulation (1), the consumer may submit a new estimated monthly water demand to the licensee for the remaining three years of operation of the data centre.

(3) If the actual monthly water consumption is less than the estimated monthly water demand submitted under subregulation (1) or the new estimated monthly water demand submitted under subregulation (2), the licensee may impose on the consumer a monthly usage guarantee charge based on the following formula:

Estimated monthly water demand - actual monthly water consumption x water supply service rate".

Amendment of regulation 14

4. The principal Regulations are amended in subregulation 14(1) by substituting for the words "Parts I, II and III" the words "Parts I, II, III and IV".

Amendment of regulation 15

5. The principal Regulations are amended in Regulation 15—

(a) in the shoulder note, by substituting for the words "Parts I and II" the words "Parts I, II and IV";

(b) in subregulation (1), by substituting for the words "Part I" the words "Parts I and IV";

(c) in subregulations (2) and (3), by substituting for the words "Part I or II" wherever appearing the words "Part I, II or IV"; and

(d) by inserting after subregulation (3) the following subregulations:

"(4) If the public main for a premise specified under Part IV of the Third Schedule is constructed by the licensee, the rates of the capital contribution which is payable by the developer shall include the capital cost of construction of public main up to the approved tapping point.

(5) The capital cost of construction of public main referred to in subregulation (4) shall include the capital expenditure incurred or the estimated capital expenditure to be incurred by the licensee in relation to the provision of the public mains including any pumping station, service reservoir, balancing reservoir, structures, installations, buildings, equipment and appurtenances used and the land on which the pumping station, service reservoir, balancing reservoir, structures, installations, buildings, equipment and appurtenances are located.".

Amendment of regulation 16

6. The principal Regulations are amended in regulation 16—

(a) in the shoulder note, by substituting for the words "Parts I and II" the words "Parts I, II and IV"; and

(b) in subregulation (1)—

(i) by substituting for the words "subregulation 17(3)" the words "subregulation 15(3)";

(ii) by substituting for the words "Parts I and II" the words "Parts I, II and IV";

(iii) in paragraph *(a)*, by deleting the word "and" at the end of the paragraph;

(iv) in paragraph *(b)*—

(A) by substituting for the words "the supply mains and the service reservoirs" the words "the supply mains or the service reservoirs"; and

(B) by substituting for the full stop at the end of the paragraph a semicolon; and

(v) by inserting after paragraph *(b)* the following paragraphs:

"*(c)* in the case where the supply mains and the service reservoirs are constructed by the developer under subrule 6(3A) of the Water Services Industry (Water Reticulation and Plumbing) Rules 2014, at the rates as specified in paragraph 1 of Part IV of the Third Schedule; and

(d) in the case where the public mains, the supply mains or the service reservoirs are constructed by the licensee under subrule 7(4A) of the Water Services Industry (Water Reticulation and Plumbing) Rules 2014, at the rates as specified in paragraph 2 of Part IV of the Third Schedule.".

Amendment of Third Schedule

7. The principal Regulations are amended in the Third Schedule—

(a) in Part I, in column (3), by substituting for the words "Where supply mains or service reservoirs" the words "Where supply mains and service reservoirs";

(b) in Part II—

(i) in column (3), by substituting for the words "Where supply mains or service reservoirs" the words "Where supply mains and service reservoirs";

(ii) in the national language text, in relation to subitems *(d)* to *(h)*, in column (3), by substituting for the word "or" the word "atau"; and

(c) by inserting after Part III the following part:

"PART IV

[regulations 14, 15 and 16]

CAPITAL CONTRIBUTION RATES FOR DATA CENTRE DEVELOPED BY DEVELOPER

1. The rates of capital contribution if the supply mains and the service reservoirs are constructed by the developer:

Capital cost of construction of public main x (estimated water demand ÷ water distribution capacity of public main constructed)

2. The rates of capital contribution if the public mains, the supply mains or the service reservoirs are constructed by the licensee:

(1) Charges for providing public mains Rates per premises (RM)	(2) Charges for providing supply mains Rates per premises (RM)	(3) Charges for providing service reservoir Rates per premises (RM)
Capital cost of construction of public main x (estimated water demand ÷ water distribution capacity of public main constructed)	(0.40 x estimated water demand)	(0.80 x estimated water demand)

".

Made 26 August 2025
[PETRA.BAP.100-1/1/3 KLT.5 (19); PN(PU2)660/JLD.20]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Minister of Energy Transition and Water Transformation

27 Ogos 2025
27 August 2025
P.U. (A) 273

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2025

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER RETICULATION AND PLUMBING) (AMENDMENT) RULES 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (RETIKULASI AIR DAN PEMASANGAN PAIP) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 180 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2025.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2025.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 [*P.U. (A) 36/2014*], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2 dengan memasukkan selepas takrif "pemegang permit" takrif yang berikut:

' "pusat data" ertinya mana-mana premis yang digunakan secara khusus untuk menempatkan kelengkapan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi secara berpusat bagi maksud mengurus data termasuk menyimpan, mengumpul, memproses atau mengagih data;'.

Pindaan kaedah 6

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 6 dengan memasukkan selepas subkaedah (3) subkaedah yang berikut:

"(3A) Jika pemaju bagi suatu pusat data merancang, mereka bentuk, membina dan memasang sistem retikulasi air luaran yang akan disambungkan kepada sesalur utama awam, pemegang lesen pengagihan air boleh mengenakan pemaju pusat data itu suatu sumbangan modal sebagaimana yang

ditetapkan di bawah perenggan 16(1)*(c)* Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014.".

Pindaan kaedah 7

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 7 dengan memasukkan selepas subkaedah (4) subkaedah yang berikut:

"(4A) Jika pemegang lesen pengagihan air merancang, mereka bentuk, membina dan memasang sesalur utama awam, sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan bagi membekalkan air ke kawasan suatu pusat data, pemegang lesen pengagihan air itu boleh mengenakan caj ke atas pemaju pusat data itu bagi suatu sumbangan modal sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 16(1)*(d)* Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014.".

Pindaan kaedah 50

5. Subkaedah 50(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "lapangan terbang" perkataan ", pusat data".

Pindaan kepala Bab 4 Bahagian IV

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kepala Bab 4 Bahagian IV dengan memasukkan selepas perkataan "*kilang*" perkataan "*atau pusat data*".

Pindaan kaedah 95

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 95—

(a) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan "kilang" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau pusat data";

(b) dalam subkaedah (2), dengan memasukkan selepas perkataan "pemilik kilang" perkataan "atau pemilik pusat data"; dan

(c) dalam subkaedah (3), dengan memasukkan selepas perkataan "pemilik kilang" perkataan "atau pemilik pusat data".

Pindaan Jadual Ketiga Belas

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Jadual Ketiga Belas, dalam perenggan *(a)*, dengan memasukkan selepas butiran Bengkel tunggal/berkembar dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Ruang (1) Jenis premis/bangunan	Ruang (2) Muatan simpanan minimum bagi satu hari (Liter)
"Pusat data	Permintaan air sebagaimana yang dianggarkan oleh pemaju"

Dibuat 25 Ogos 2025
[PETRA.BAP.100-1/1/3 KLT.5 (20); PN(PU2)660/JLD.20]

DATUK IR. ABDUL KADIR BIN MOHD DIN
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER RETICULATION AND PLUMBING) (AMENDMENT) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by section 180 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Commission makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Water Services Industry (Water Reticulation and Plumbing) (Amendment) Rules 2025.**

(2) These Rules come into operation on 1 September 2025.

Amendment of rule 2

2. The Water Services Industry (Water Reticulation and Plumbing) Rules 2014 [*P.U. (A) 36/2014*], which are referred to as the "principal Rules" in these Rules, are amended in rule 2 by inserting after the definition of "permit holder" the following definition:

' "data centre" means any premises specifically used to centrally house equipment and infrastructure of information technology and communication for the purpose of managing data including storing, collecting, processing or distributing data;'.

Amendment of rule 6

3. The principal Rules are amended in rule 6 by inserting after subrule (3) the following subrule:

"(3A) Where the developer of a data centre plans, designs, constructs and installs an external water reticulation system which is to be connected to the public main, the water distribution licensee may charge the developer of the data centre a capital contribution as prescribed in paragraph 16(1)*(c)*

of the Water Services Industry (Water Services Deposits, Fees and Charges) Regulations 2014.".

Amendment of rule 7

4. The principal Rules are amended in rule 7 by inserting after subrule (4) the following subrule:

"(4A) Where the water distribution licensee plans, designs, constructs and installs the public mains, supply mains or service reservoirs to supply water to the area of a data centre, the water distribution licensee may charge the developer of such data centre for a capital contribution as prescribed under paragraph 16(1)*(d)* of the Water Services Industry (Water Services Deposits, Fees and Charges) Regulations 2014.".

Amendment of rule 50

5. Subrule 50(1) of the principal Rules is amended by inserting after the word "airport" the words ", data centre".

Amendment of heading of Chapter 4 of Part IV

6. The principal Rules are amended in the heading of Chapter 4 of Part IV by inserting after the word "*factory*" the words "*or data centre*".

Amendment of rule 95

7. The principal Rules are amended in rule 95—

(a) in subrule (1), by inserting after the word "factory" wherever appearing the words "or data centre";

(b) in subrule (2), by inserting after the words "factory owner" the words "or data centre owner"; and

(c) in subrule (3), by inserting after the words "factory owner" the words "or data centre owner".

Amendment of Thirteenth Schedule

8. The principal Rules are amended in the Thirteenth Schedule, in paragraph *(a)*, by inserting after item Single/Semi-detached workshop and the particulars relating to it the following item and particulars:

Column (1) Types of premises/building	Column (2) Minimum storage capacity for one day (Liters)
"Data centre	Water demand as estimated by the developer"

Made 25 August 2025
[PETRA.BAP.100-1/1/3 KLT.5 (20); PN(PU2)660/JLD.20]

DATUK IR. ABDUL KADIR BIN MOHD DIN
Chairman of Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

GARIS PANDUAN BEKALAN AIR

Bagi Pembangunan Pusat Data

1 September 2025

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

ISI KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN 1

1.1 Tujuan 1

1.2 Definisi 2

1.3 Singkatan 4

2.0 TANGGUNGJAWAB 4

2.1 Pemaju atau Pemilik Pusat Data 4

2.2 Pemegang Lesen Pengagihan Air 11

2.3 Operator Pusat Data 14

2.4 Orang yang kompeten 15

2.5 Pemegang permit 16

3.0 KEPERLUAN UNTUK PERMOHONAN BEKALAN AIR BAGI PUSAT DATA 16

3.1 Maklumat Penggunaan Air Harian Pusat Data 17

3.2 Maklumat Penggunaan Air Alternatif 17

3.3 Maklumat Teknologi Penyejukan Pusat Data 18

3.4 Pengiraan *Water Usage Effectiveness* (WUE) 18

4.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN FASILITI BEKALAN AIR 20

4.1 Penyediaan Tangki Simpanan Dalaman 20

4.2 Kawalan Aliran Air Masuk 20

5.0 PENUTUP 21

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 – Carta alir proses pembangunan sistem bekalan air

1.0 PENDAHULUAN

Pada masa kini Malaysia telah menjadi pilihan utama untuk pelaburan pusat data berdasarkan lokasinya yang strategik, keluasan tanah, ekosistem ekonomi digital yang semakan berkembang dan lain-lain lagi. Namun, pembangunan pusat data ini perlu ditadbir urus dengan sebaik mungkin memandangkan pengoperasian pusat data menggunakan sumber tenaga dan juga air yang banyak.

Sehubungan itu, SPAN selaku badan kawal selia industri perkhidmatan air di negara ini perlu memastikan bekalan air terawat yang dipohon oleh pemaju pusat data boleh dibekalkan tanpa mengenepikan hak pengguna lain khususnya pengguna-pengguna domestik.

Ketetapan perundangan semasa berkaitan dengan prosedur pembangunan sistem bekalan air kepada pengguna dan kadar deposit, fi dan caj bagi perkhidmatan air yang telah dikuatkuasakan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) adalah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 ('Kaedah') dan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014 ('Peraturan').

Selain itu, SPAN juga telah mengeluarkan garis panduan bagi perancangan dan rekabentuk sistem retikulasi luaran, sesalur utama bekalan dan sistem bekalan air dalaman iaitu *Uniform Technical Guidelines - Water Reticulation and Plumbing* (UTG-WRP) dan garis panduan bagi perancangan dan reka bentuk loji rawatan air iaitu *Uniform Technical Guidelines for the Design of Water Treatment Plants and Related Water Supply System Components* (UTG-WTP) untuk digunapakai oleh penggiat indusri dalam membangunkan sistem bekalan air.

Justeru, bagi menyokong pembangunan pusat data di negara ini di samping memastikan infrastruktur bekalan air yang dibina berdaya mampan, satu garis panduan berkenaan bekalan air kepada pusat data perlu dibangunkan agar semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pusat data mengambil perhatian dan mematuhi semua keperluan dan syarat yang telah ditetapkan oleh SPAN berkenaan penyediaan sistem bekalan air.

1.1 Tujuan

Garis panduan ini disediakan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan berkenaan perkara-perkara yang perlu dipatuhi dari aspek bekalan air untuk pembangunan pusat data yang merangkumi peringkat perancangan, permohonan bekalan air sehingga ke peringkat penggunaan air semasa pengoperasian pusat data.

1.2 Definisi

Berikut adalah definisi bagi beberapa terma yang digunakan dalam dokumen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

a. Pusat data

Mana-mana premis yang digunakan secara khusus untuk menempatkan peralatan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi secara berpusat bagi tujuan mengurus data seperti menyimpan, mengumpul, memproses dan mengagih data bagi sesuatu organisasi atau syarikat.

b. Pemaju pusat data

Mana-mana individu, organisasi atau syarikat yang terlibat dalam atau melaksanakan atau menjalankan atau membiayai kerja-kerja berkaitan dengan pembangunan pusat data.

c. Pemilik pusat data

Mana-mana individu, organisasi atau syarikat yang memiliki suatu pusat data.

d. Operator pusat data

Mana-mana individu, organisasi atau syarikat yang menjalankan operasi pusat data atau menguruskan pusat data.

e. Sesalur utama awam

Apa-apa paip air yang disenggara dan dikawal oleh pemegang lesen pengagihan air yang kepadanya paip air perkhidmatan boleh disambungkan.

f. Orang yang kompeten

Orang yang berkelayakan untuk mengemukakan pelan dan mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan yang berkenaan dengan reka bentuk, pemasangan, pembinaan atau pengubahsuaian lengkapan air, takungan perkhidmatan terpusat, sistem retikulasi air luaran atau sesalur utama bekalan atau mana-mana bahagiannya yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014.

g. Pemegang permit

Seseorang yang kepadanya permit IPA Jenis A, permit IPA Jenis C atau permit IPA Jenis D dikelaurkan di bawah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 [*P.U. (A) 438/2007*].

h. Sesalur utama bekalan

Talian paip yang membawa air sama ada daripada suatu takungan perkhidmatan terpusat atau dari suatu tempat tebukan yang ditentukan oleh pemegang lesen pengagihan air di sepanjang suatu sesalur utama awam sedia ada yang terletak di luar kawasan pembangunan pemaju ke sistem retikulasi air luaran dan termasuk tanah yang talian paip itu ditempatkan, dan jika dikehendaki, hendaklah juga termasuk stesen pengepam penggalak sebaris.

i. Sistem bekalan air

Keseluruhan sistem yang mengandungi sesalur utama awam, paip, kebuk, loji rawatan, stesen pengepam, takungan perkhidmatan atau imbangan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, pemasangan, bangunan, kelengkapan dan perlengkapan lain yang digunakan dan tanah di mana kesemua yang tersebut itu ditempatkan untuk penyimpanan, pengambilan, pengumpulan, pembawaan, perawatan, pengagihan dan pembekalan air.

j. Sistem retikulasi air luaran

Suatu rangkaian talian paip, tidak termasuk paip air perkhidmatan dan agihan di dalam suatu kawasan pembangunan pemaju yang bersambung dengan sesalur utama bekalan dan hendaklah termasuk:

i. takungan perkhidmatan, tangki sedutan, stesen pengepam, injap, pili, meter daerah, stesen persampelan, sistem telemetri, paip penghubung dan apa-apa perlengkapan, kelengkapan, peranti dan pemasangan yang bersambung dengan rangkaian itu; dan

ii. tanah tempat takungan perkhidmatan, tangki sedutan, stesen pengepam, injap, pili, meter daerah, stesen persampelan, sistem telemetri, paip penghubung dan apa-apa perlengkapan, kelengkapan, peranti dan pemasangan lain itu ditempatkan.

k. Takungan perkhidmatan

Apa-apa takungan untuk menyimpan air terawat pada tekanan atmosfera, yang dibina atau akan dibina bagi maksud memberikan perkhidmatan ke suatu kawasan pembangunan.

l. Tangki simpanan

Apa-apa tangki, selain tangki simbah, yang daripadanya air yang dibekalkan daripada sesalur utama awam atau sesalur utama persendirian dihantar bagi kegunaan dan disimpan selain melalui kepala paip keluar.

1.3 Singkatan

CoC	*Cycle of Concentration*
CP	*Competent Person* (orang yang kompeten)
EWIF	*Energy Water Intensity Factor*
IEC	*International Electrotechnical Commission*
IPA	Industri Perkhidmatan Air
ISO	*International Organization for Standardization*
JAS	Jabatan Alam Sekitar
kWh	*Kilowatt-Hours*
MWh	*Megawatt-Hours*
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
QP	*Qualified Person* (orang yang berkelayakan)
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
UTG-WRP	*Uniform Technical Guidelines - Water Reticulation and Plumbing*
UTG-WTP	*Uniform Technical Guidelines for the Design of Water Treatment Plants and Related Water Supply System Components*
WUE	*Water Usage Effectiveness*

2.0 TANGGUNGJAWAB

Secara amnya, semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pembekalan air kepada pusat data bertanggungjawab untuk mematuhi semua ketetapan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) serta perundangan subsidiarinya dan mana-mana garis panduan atau standard yang berkaitan dengan bekalan air yang dikeluarkan atau yang diiktiraf oleh SPAN termasuk apa-apa syarat yang ditetapkan oleh SPAN dan juga pihak berkuasa lain yang berkaitan.

2.1 Pemaju atau Pemilik Pusat Data

Pemaju atau pemilik pusat data adalah bertanggungjawab terhadap:

a. Perancangan bekalan air untuk pusat data

i. Pemaju atau pemilik hendaklah membuat perancangan berhubung bekalan air bagi pusat data yang ingin dibangunkan. Perancangan yang dibuat hendaklah ke arah penjimatan air dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- mengutamakan penggunaan air dipulih guna bagi sistem penyejukan pusat data tersebut berbanding penggunaan air yang boleh diminum;
- mengutamakan penggunaan sistem penyejukan yang lebih efisien dari segi penggunaan air atau sistem yang memerlukan air dalam kuantiti yang sedikit contohnya sistem penyejukan udara (air-cooled system); dan
- merawat air buangan dari sistem penyejukan (yang telah melalui beberapa kitaran) untuk diguna semula ke dalam sistem penyejukan yang sama atau digunakan untuk tujuan lain (mengaplikasikan konsep *zero discharge*).

ii. Perancangan yang dibuat hendaklah disediakan dalam bentuk laporan yang merangkumi semua maklumat yang diperlukan seperti dalam perkara 3.0 dan seterusnya dikemukakan kepada SPAN untuk tujuan semakan awal terhadap ketersediaan bekalan air sama ada dari sumber air dipulih guna atau sumber air yang boleh diminum.

iii. Pengemukaan tersebut hendaklah dilampirkan bersama borang atau dokumen yang dikemukakan kepada pihak *One Stop Center* (OSC) yang ditubuhkan di bawah *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) untuk memproses permohonan pusat data yang baharu.

iv. Seterusnya, berdasarkan semakan terhadap permohonan pihak pemaju pusat data dan ketersediaan bekalan air, SPAN berhak untuk mengarahkan supaya pusat data itu menggunakan air dipulih guna sepenuhnya jika jumlah yang tersedia adalah mencukupi.

v. Sekiranya tiada sumber air (air dipulih guna atau air yang boleh diminum) yang boleh dibekalkan oleh pemegang lesen pengagihan air atau jumlah yang boleh dibekalkan tidak mencukupi, maka pemaju pusat data hendaklah mengambil tindakan berikut:
   - merancang pembangunan pusat data di lokasi lain yang lebih sesuai dan mempunyai sumber air yang mencukupi; atau
   - membina infrastruktur bekalan air persendirian seperti loji penyahgaraman air laut, sistem untuk tadahan air hujan atau air larian permukaan dan lain-lain.

vi. Sebelum mengemukakan permohonan kelulusan perancangan pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju atau pemilik pusat data hendaklah mengambilkira perancangan dan reka bentuk bagi fasiliti bekalan air berikut dalam pelan susun atur yang disediakan:
   - takungan perkhidmatan luaran dengan muatan simpanan minimum 1 hari permintaan air bersama sistem pengepaman (jika perlu) sebagaimana

yang diarahkan oleh SPAN berdasarkan keputusan semakan ke atas laporan perancangan bekalan air pusat data yang dikemukakan;

- tangki simpanan dalaman dengan muatan minimum 2 hari permintaan air bersama dengan sistem pengepaman (jika perlu).

b. Permohonan punca bekalan air (tapping point)

i. Sekiranya semasa peringkat perancangan, bekalan air kepada pusat data itu boleh diperolehi daripada pihak pemegang lesen pengagihan air, maka pihak pemaju perlu mengemukakan permohonan untuk mengenal pasti punca bekalan air (tapping point) bagi kawasan pembangunannya mengikut borang dalam Jadual Ketiga, Kaedah-Kaedah IPA (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 bagi tujuan penyediaan reka bentuk.

ii. Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan setelah mendapat kelulusan perancangan pembangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

iii. Peruntukan berkaitan:

- Subkaedah 6(2), Kaedah-Kaedah IPA (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014

c. Penyediaan reka bentuk sistem perpaipan luaran

i. Pemaju atau pemilik pusat data hendaklah bertanggungjawab dan memastikan reka bentuk mana-mana bahagian sesalur utama bekalan dan sistem retikulasi air luaran untuk pusat data itu disediakan oleh orang yang kompeten seperti yang disenaraikan dalam Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah IPA (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014.

ii. Reka bentuk hendaklah mengambilkira penyediaan takungan perkhidmatan luaran dengan muatan simpanan yang tidak kurang dari 1 hari permintaan air bersama dengan sistem pengepaman (jika perlu) seperti yang ditetapkan semasa peringkat perancangan.

iii. Peruntukan berkaitan:

- Subkaedah 6(1), subkaedah 8(a) dan kaedah 12, Kaedah-Kaedah IPA (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014

d. Permohonan kelulusan pelan dan spesifikasi sistem perpaipan luaran

i. Permohonan kelulusan pelan dan spesifikasi bagi reka bentuk sistem retikulasi air luaran dan sesalur utama bekalan hendaklah dikemukakan kepada SPAN